

SOALAN NO. 323

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jenis subsidi yuran pengasuhan TASKA di tempat kerja sektor awam dan TASKA swasta yang berdaftar di bawah Jabatan, bilangan penerima subsidi ini pada tahun 2015, 2016 dan 2017, dan jumlah peruntukan yang terlibat.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan dan sentiasa memberi sokongan padu dalam usaha penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) terutamanya TASKA Di Tempat Kerja. Penubuhan TASKA seumpama ini dapat memberi sokongan kepada ibu bapa bekerja dengan lebih komited dan seterusnya menghasilkan produktiviti yang baik dalam perkhidmatan mereka. Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan penubuhan TASKA Di Tempat Kerja Awam dan Swasta.

Insentif bagi TASKA Di Tempat Kerja sektor awam adalah :

- i. Perkhidmatan Persekutuan dan Negeri digalakkan menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja untuk kemudahan ibubapa yang berkerja menghantar anak-anak mereka bagi

mendapat pengasuhan yang berkualiti.- Pekeliling Perkhidmatan Perkhidmatan Awam Bil. 6/1989;

- ii. Pengecualian permohonan tukar syarat penggunaan ruang bagi TASKA yang ditubuhkan di bangunan kerajaan - Pekeliling dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil. KPT (02) 543/4 Klt.4(8) bertarikh 17 Februari 1998;
- iii. Keputusan Kerajaan untuk meningkatkan geran pelancaran penubuhan TASKA di tempat kerja sektor awam daripada RM80,000 kepada RM200,000 - Pembentangan Bajet 2010 di Dewan Rakyat oleh YAB Perdana Menteri Pada 23 Oktober 2009;
- iv. Subsidi yuran pengasuhan TASKA di tempat kerja sektor awam sebanyak RM180 sebulan bagi seorang anak kepada pegawai perkhidmatan awam yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM5,000 sebulan - Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2013.

Insentif bagi TASKA Di Tempat Kerja sektor swasta pula adalah:

- i. Pengecualian cukai 10% selama 10 tahun bagi ubah suai dan penyelenggaraan, dan pemilikan bangunan untuk Pusat Asuhan Kanak-Kanak bagi majikan sektor swasta;
- ii. Potongan cukai dua kali ganda ke atas majikan sektor swasta yang menyediakan elaun atau subsidi kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak, ia telah diumumkan pada masa Bajet 2013; dan
- iii. Pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun diberi kepada pengusaha TASKA, Pusat Jagaan Kanak-Kanak dan Prasekolah Swasta, ia telah diumumkan pada masa Bajet 2013.

Untuk makluman, sehingga Jun 2017 sebanyak **227 buah TASKA Di Tempat Kerja** telah didaftarkan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti berikut:

- TASKA di Tempat Kerja Awam - **183 buah**; dan
- TASKA di Tempat Kerja Swasta – **44 buah**.

Bilangan kanak-kanak yang menerima subsidi yuran pengasuhan TASKA Di Tempat Kerja sektor awam dan dibayar oleh agensi masing-masing bagi tahun 2015 adalah seramai **1,175 orang** melibatkan peruntukan sebanyak **RM2,538,000**, bagi tahun 2016 seramai **1,287 orang (RM2,779,920)** manakala bagi tahun 2017 (Sehingga Jun) seramai **1,156 orang (RM1,248,480)**. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam menggalakkan penubuhan TASKA Di Tempat Kerja bagi kemudahan kakitangan mendapat khidmat pengasuhan bagi anak mereka.